



PEMAHAMAN - BAHAGIAN A

Soalan 1 hingga 4

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

UPSR
2016

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.

1. Ibu akan membaca _____ untuk adik setiap malam sebelum tidur.
- A buku lukisan
 - B buku latihan
 - C buku cerita
 - D buku tulis

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Ibu dan ayah membawa adik menemui _____ kerana telah tiga hari adik demam.
- A Doktor Manjeet
 - B Inspektor Saat
 - C Encik Aziz
 - D Datuk Liew

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Encik Suresh dan Puan Kamala begitu gembira _____ sajian makanan yang dihidangkan oleh Puan Maria.

- A nikmat
- B dinikmati
- C menikmati
- D kenikmatan

4. Jing Hui yang belajar di luar negara sangat _____ keluarganya yang berada di Malaysia.

- A rindu
- B dirindui
- C merindu
- D merindui

5. Pilih ayat yang betul.

KBAT

- A Encik Ramu menjemput tetamunya makan beberapa batang buah tembikai.
- B Ningau melempar serawan jala dari tebing sungai untuk menangkap ikan.
- C Kelly meminjam beberapa butir buku daripada perpustakaan sekolah.
- D Puan Aini menyuapkan sebiji durian ke mulut anaknya.



PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

A Padankan perkataan yang betul bagi melengkapkan ayat. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

UPSR
2016

(i) _____ kebelakangan ini, Syahid semakin rajin membantu guru di sekolah.

dengan

(ii) Shin Hui sentiasa berusaha dalam pelajaran _____ mengubah nasib keluarganya.

demi

(iii) Jien Ming akan pulang ke Malaysia _____ hujung bulan ini.

sejak

(iv) Encik Siva membawa anaknya yang demam panas berjumpa _____ doktor.

pada

B Tulis betul atau salah bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat.

UPSR
2016

(i) Pertandingan bercerita akan dimulakan pada bila-bila masa sahaja.

(ii) Para peserta perlu disediakan peralatan melukis seperti pensel, pensel warna dan krayon.

C Garisi perkataan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

1. Puan Aida (membaling, merendam, menjemur) baju-baju yang telah siap dibasuh di ampaian.

2. Tai Kim (membakar, mengukus, menggoreng) daun-daun kering di belakang rumah.

- D Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

Nama saya Nur Anisa Ng Abdullah. Saya berasal daripada keluarga yang mengamalkan perkahwinan campur. Datuk saya berbangsa Iban, nenek saya berbangsa Cina manakala ayah saya pula berbangsa Melayu.

Keluarga kami mengamalkan tiga budaya yang berbeza iaitu, budaya Iban, budaya Cina dan budaya Melayu. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mendatangkan masalah kepada keluarga kami. Keluarga kami hidup bahagia. Sikap toleransi dan saling memahami merupakan rahsia kebahagiaan hidup kami.

Keluarga kami sungguh harmoni. Saya berasa sungguh *bertuah* hidup dalam keluarga yang berkongsi budaya. Sebagai contoh, saya dapat menguasai pelbagai bahasa. Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Iban, bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Saya juga dapat bergaul mesra dengan rakan-rakan yang berbilang bangsa.

Perkara paling seronok tentang keluarga yang mengamalkan perkahwinan campur ialah saya boleh merayakan pelbagai perayaan di negara ini seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Hari Gawai. Kami saling mengunjungi antara satu sama lain ketika hari perayaan.

- (a) Perkataan *bertuah* dapat digantikan dengan perkataan _____
- (b) Mengapakah Nur Anisa Ng Abdullah merasa *bertuah* hidup dalam keluarga yang mengamalkan perkahwinan campur?
- _____
- _____
- _____
- (c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan yang dapat diperolehi hasil perkahwinan campur?
- _____
- _____
- _____